

13 FEB 1998

MESYUARAT KEDUA IAP MSC BERMULA

CYBERJAYA, 13 Feb (Bernama) -- Anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP), Koridor Raya Multimedia (MSC) yang diketuai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil bahagian dalam upacara menanam pokok sebelum mesyuarat dimulakan hari ini.

Dr Mahathir, yang menjadi pengerusi IAP bersama-sama dengan 12 anggota panel menanam pokok "Eugenea Oleina" di sepanjang kawasan yang dipanggil "IAP Avenue" di hadapan padang "Cyberview Lodge" tempat yang mana mesyuarat itu bermula semalam.

Ini adalah mesyuarat kedua IAP sejak sesi pertama telah diadakan tahun lepas bertempat di Universiti Stanford, California.

Upacara menanam pokok itu telah disaksikan oleh beberapa menteri Kabinet, wakil IAP dan para pegawai Multimedia Development Corporation (MDC).

MDC mengawasi pembangunan MSC yang meliputi kawasan seluas 750 km persegi, yang terletak di selatan Kuala Lumpur.

Di antara anggota IAP yang berada di sini ialah ketua-ketua syarikat komputer, teknologi maklumat dan telekomunikasi yang terkemuka, seperti Stan Shih (Acer), Serge Tchuruk (Alcatel Alsthom), Jun-Ichiro Miyazu Dr Lars Ramqvist (Ericsson), Bob Bishop (Silicon Graphics) dan Gary Tooker (Motorola).

Mesyuarat IAP hari ini menekankan kepada sesi perangkaian (networking) antara anggota.

Turut serta dalam sesi perangkaian itu ialah menteri-menteri Kabinet, Datuk Seri Rafidah Aziz (Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri), Datuk Seri Najib Tun Razak (Pendidikan), Datuk Leo Moggie (Tenaga, Telekom dan Pos) dan Datuk Chua Jui Meng (Kesihatan). -- BERNAMA

RAZ RI